



MB Johor tawar kerjasama dengan UMP

Pengurusan Tertinggi UMP yang diketuai oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah melakukan kunjungan hormat ke Pejabat Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Khalid Nordin yang juga merupakan mantan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada 29 Ogos 2013 yang lalu.

Pertemuan bersejarah itu berlangsung di pejabat beliau di Bangunan Dato Jaafar, Kota Iskandar, Nusajaya.

Dalam pertemuan itu, beberapa perkara dibincangkan termasuk perkembangan terkini UMP dan masa depan pengajian tinggi di Malaysia.

Dato' Seri Mohd Khalid turut menawarkan beberapa peluang kerjasama antara kerajaan negeri Johor dan UMP seperti penglibatan UMP dalam projek petrochemical di Pengerang, program sukarelawan pelajar serta penglibatan staf dan pelajar UMP dalam industri yang berkaitan dengan bidang kepakaran di UMP.

Turut hadir dalam pertemuan, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir Dr. Badhrulhisham Abd Aziz, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti) Profesor Dr. Shamsuddin Baharin dan Ketua Pejabat Naib Canselor, Abd. Rahman Safie.

